

A. Pilih jawaban yang paling sesuai.

- Beliau amat _____ negara ini dan sanggup berkorban apa-apa sahaja untuk mempertahankannya.
A sayangkan B sayang akan
- Buku-buku yang dijual di pameran itu _____ belaka.
A murah B murah-murah
- Rama-rama yang terbang di taman itu _____ belaka.
A cantik B cantik-cantik
- Pakaian yang dijual di pasar raya itu _____ dan mampu dimiliki sesiapa sahaja.
A betul murah B murah betul
- Rumah baharunya di bandar raya itu _____ sekali dan harganya mencecah jutaan ringgit.
A amat cantik B paling cantik
- Pemain pasukan bola keranjang sekolah kita _____ belaka.
A tinggi B tinggi-tinggi
- Budak yang _____ di kelas kamu itu lulus dengan cemerlang.
A teramat bijak B tersungguh bijak
- Shakir berasa amat sedih apabila _____ kejadian kemalangan itu.
A tahu B tahu akan
- Banyak orang _____ kebijaksanaan Raihan dalam pelbagai perkara.
A amat kagum akan B amat mengagumi akan
- Pepohon di tepi pantai itu sudah tua dan _____ belaka.
A tinggi B tinggi-tinggi

B. Pilih jawaban yang paling sesuai.

1. Mereka keracunan kerana makan makanan yang sudah _____.
- A busuk B tengik C basi D hapak
2. Kami berkelah dan berteduh di bawah pohon yang _____ di tepi sungai itu.
- A kontot B pendek C lebar D rendang
3. Zainal kemalangan kerana memandu kereta dengan lajunya di jalan yang _____.
- A bongkok B cerun C condong D curam
4. Lelaki yang berperut _____ itu sering tidak berbaju semasa duduk berehat.
- A boroi B besar C nipis D luas

- 

5. Para penonton kelihatan gembira benar apabila menyaksikan persembahan kebudayaan dari utara tanah air kita semalaman. Tiada kesalahan.

A

B C D